

► Kejohanan Sukan Staf UMS Ke-14 2014 —

UMSKAL juara keseluruhan

UB 21.2.2014 A13

LABUAN : Kontinjen Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) muncul juara keseluruhan Kejohanan Sukan Staf UMS Ke-14 2014 yang berlangsung di Kota Kinabalu pada 13-16 Februari lalu.

Kontinjen itu yang diketuai Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali meraih sembilan pingat emas, lima perak dan tiga gangsa untuk mempertahankan kejuaraan yang mereka miliki tahun lalu.

Empat pingat emas diperoleh melalui acarayak, dart, bola tampar wanita dan badminton dimenangi kontinjen UMSKAL atau lebih dikenali sebagai 1KAL ketika Sukan Staf UMS Fasa I dilangsungkan di Wilayah Persekutuan Labuan pada 24-26 Januari lalu.

Manakala lima lagi pingat emas dimenangi pada Fasa II di Kota Kinabalu iaitu acara bola tampar lelaki, bola tampar pantai lelaki dan wanita, ping pong dan tarik tali.

Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said menyampaikan hadiah juara keseluruhan kepada Ismail pada majlis penutupan Kejohanan Sukan Staf UMS di Kota Kinabalu, Ahad lalu.



ABDULLAH (tengah) menyampaikan hadiah cabutan bertuah kepada atlet 1KAL sambil diperhatikan Mohd Asyraf Fong (kanan) pada majlis penutupan Sukan Staf UMS 2014.

Turut hadir Pengarah Pusat Sukan UMS, Mohd Asyraf Fong Abdullah.

Lima acara yang meraih pingat perak pula ialah bola sepak pantai lelaki dan wanita, sepaktakraw veteran, futsal lelaki veteran dan bola jaring.

Tiga pingat gangsa dimenangi menerusi acara futsal wanita, tenpin boling wanita dan hoki tujuh sebelah.

Naib johan disandang D'Six

yang memenangi enam pingat emas, empat perak dan dua gangsa dan ketiga Twin Tower (4-5-4).

Tempat keempat Hercules dengan empat emas, empat perak dan tiga gangsa, kelima D'Arts (4-3-6), keenam Royal Esteem (3-2-4), ketujuh Science United (0-4-6) dan kelapan (0-2-2).

Dalam ucapannya, Abdullah yang juga Penggerusi Jawatankuasa Induk Sukan Staf UMS 2014 berkata,



ISMAIL (kiri) dan Geoffrey yang memegang piala meraikan kejayaan bersama atlet 1KAL muncul juara keseluruhan Sukan Staf UMS Ke-14 2014 di Kota Kinabalu.

melalui kejohanan berkenaan lebih ramai kakitangan UMS dapat menunjukkan bakat dan kebolehan mereka dalam acara masing-masing untuk dipilih mewakili universiti ke Kejohanan Sukan Staf Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tahun ini.

Beliau yang mewakili Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah berharap atlet yang akan dipilih kelak supaya menjalani latihan bersungguh-sungguh untuk menyaingi IPTA lain di seluruh negara.

Selain itu, Abdullah yakin melalui penganjuran Sukan Staf UMS mampu mengeratkan lagi hubungan baik yang sedia terjalin antara pengurusan tertinggi universiti dengan pensyarah dan kakitangan sokongan yang berudu tenaga kali ini.

"Sambil kita mahumerebut kemenangan, jangan lupa matlamat Sukan Staf UMS untuk merapatkan lagi hubungan antara warga universiti selain melahirkan kakitangan yang cergas, cerdas dan sihat mental dan

fizikal," katanya.

Sementara itu, Ismail mengucapkan tahniah kepada semua atlet 1KAL yang berjaya mengekalkan kejuaraan Sukan Staf UMS 2014.

Katanya, komitmen, kesungguhan dan disiplin yang tinggi adalah antara ramuan utama yang membolehkan kontingen 1KAL muncul juara keseluruhan Sukan Staf UMS Ke-14 2014.

"Saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua atlet 1KAL yang berjaya

mengekalkan kejuaraan Sukan Staf UMS 2014. Sesungguhnya kejayaan itu adalah hasil kerja keras semua atlet, jurulatih dan pengurus pasukan," katanya.

Ismail merakamkan ucapan penghargaan kepada timbalannya, Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal dan timbalan pendaftar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah yang berjaya membimbang anak buah UMSKAL yang menyarung jersi kontinen 1KAL pada tahun ini.



ABDULLAH (enam dari kanan) menyampaikan Piala Juara Keseluruhan Sukan Staf UMS kepada Ismail diperhatikan Mohd Asyraf Fong (lima kanan).



PASUKAN tarik tali 1KAL (duduk) bersama pasukan D'Six sebelum perlawanan akhir acara itu diadakan di Kota Kinabalu.